

Beri perhatian utama isu pendidikan dalam Islam

UM 24 APR 2002

MELAKA 23 April — Isu pendidikan dalam Islam diberikan perhatian utama oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana beliau sedar orang Islam pada masa sekarang gagal menghayati ilmu.

Pro Canselor Universiti Perguruan Sultan Idris, Profesor Emeritus Tan Sri Awang Had Salleh berkata, Dr. Mahathir berpendapat kekurangan ilmu merupakan punca negara-negara Islam lebih mundur berbanding negara lain walaupun Islam merupakan agama yang teragung.

“Orang Islam sekarang gagal menghayati ilmu yang ba-

nyak dan luas selain daripada mempelajari ilmu agama yang hakiki semata-mata, sedangkan nama-nama besar zaman kegemilangan Islam dahulu menjelajah ke dalam pelbagai bidang termasuk perubatan, pelayaran, astronomi, falsafah, matematik, falak dan sebagainya.

“Dengan keadaan itu, Dr. Mahathir merasakan paradigma pendidikan agama khususnya di Malaysia perlu dianjak dan beliau menterjemahkannya kepada amalan melalui penubuhan Universiti Islam Antarabangsa,” katanya.